

Headline	Tunai haji percuma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	18	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	479 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 18,504
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,512



# Tunai haji percuma

■ Bilal, siak masjid dipertimbang tunai Rukun Islam kelima menerusi program khas

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
am@hmetro.com.my  
Putrajaya

**B**ilal dan siak yang bertugas di masjid seluruh negara akan dipertimbang untuk ditawarkan menunaikan ibadah haji secara percuma menerusi Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan Malaysia Development Bhd (IMDB).

Cadangan untuk memba-wa dua golongan itu ke Tanah Suci disuarakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ketika berucap menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Program Khas Haji Perdana Menteri - Yayasan IMDB 2014/1435H kepada 1,000 imam dan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) di Masjid

Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) di sini, semalam.

Najib berkata, kedua-dua golongan itu akan diberi peluang sejurus semua imam dan Pengerusi JKKK di seluruh negara ditawarkan peluang berkenaan.

Menurutnya, jika ada rezeki pada masa depan, peluang sama akan diperluaskan kepada bilal dan siak memandangkan kedua-dua

golongan itu memainkan peranan cukup penting di masjid seluruh negara.

“Mungkin kita akan cari bilal dan tok siak pula supaya yang lain dapat merasai nikmat menunaikan rukun Islam kelima itu kerana sejak dilancarkan pada 2011, program khas haji ini sudah memberi manfaat kepada 2,311 jemaah terdiri daripada imam dan Pengerusi JKKK di seluruh negara dan kuota-nya bertambah setiap ta-

hun.

“Tahun ini, kita berpeluang menghantar 1,000 jemaah menerusi program khas itu di mana dua daripadanya adalah Tok Batin dan lapan orang guru pondok yang mewakili institusi pondok terpilih di seluruh negara,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penyerahan tawaran haji berkenaan.

Hadir sama Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan Datuk Seri Hasan Malek; Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim; Pengerusi IMDB Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dan Pengarah Urusan

Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji Tan Sri Ismee Ismail.

Pada majlis sama, Najib turut menyerahkan surat tawaran haji kepada wakil 1,000 imam dan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung (JKKK) di seluruh negara termasuk wang saku RM1,000, kain pasang jubah, kain pelekat dan kurma.

Najib berkata, program khas haji itu dilaksanakan bagi menghargai jasa imam dan Pengerusi JKKK di seluruh negara yang memainkan peranan tidak ternilai.

Headline	Tunai haji percuma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	18	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	479 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 18,504
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,512

## Hajat lapan guru pondok tertunai

**Putrajaya:** "Saya hanya mampu bersyukur kerana hajat untuk menunaikan ibadah haji yang tertangguh sejak 1994 akhirnya dapat ditunaikan tahun ini," kata guru dari Pondok dan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran serta Pengajian Islam Al-Khairiah di Pasir Mas, Kelantan, Ismail Awang Kechek, 67.

Ismail adalah antara lapan guru pondok yang dipilih menunaikan ibadah haji secara percuma mene-

rusi tawaran Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan Malaysia Development Bhd (IMDB) tahun ini.

Menurutnya, dia pernah ditawarkan menunaikan ibadah haji oleh Lembaga Tabung Haji (TH) pada 1994 namun, terpaksa menolak peluang itu kerana wang simpanan tidak mencukupi kerana sebahagian wang itu perlu digunakan dahulu untuk keperluan anaknya menyambung pengajian di Me-

sir.

"Jika diikutkan sistem giliran sedia ada, saya dijangka dapat menunaikan fardu haji 50 tahun lagi namun, penyerahan tawaran khas haji itu nyata menamatkan penantian," katanya yang mempunyai 12 anak.

Ismail berkata, dia berterima kasih kepada Yayasan Pembangunan Pondok 1 Malaysia (YPPM) kerana menawarkan peluang itu.

Sementara itu, seorang lagi jemaah yang juga Tok

Batin Kampung Meranti, Pekan, Pahang, Abdul Rani Abdullah, 54, menyifatkan tawaran menunaikan ibadah haji itu umpama mimpi menjadi kenyataan.

Menurutnya, dia tidak pernah merancang untuk menunaikan ibadah haji apatah lagi mendaftar dan membuat simpanan di TH kerana tidak mempunyai wang mencukupi.



ISMAIL

ABDUL RANI

Headline	Tunai haji percuma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	18	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	479 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 18,504
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,512



**NAJIB bersama Azeez, Jamil Khir, Hasan bergambar bersama 1,000 bakal jemaah haji.**

**FAKTA**  
Tahun ini 1,000  
jemaah dihantar  
menerusi  
program khas itu